

1809MST 12 05 85

U B770 DEB

MAHATHIR-UMNO

1985  
KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SEKALI LAGI MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG INGIN MEREKUT JAWATAN DALAM PARTI AGAR TIDAK MENJALANKAN KEMPEN-KEMPEN YANG +LUAR BIASA+ KERANA AMALAN SEUMPAMA ITU BOLEH MENGHANCURKAN PARTI.

KATA PRESIDEN UMNO ITU, KEMPEN YANG MENGGUNAKAN WANG, MEMBURUK-BURUKKAN CALON LAWAN ATAUPUN MENGADAKAN KABINET SENDIRI HANYA AKAN MELAHIRKAN KEBURUKAN DAN BUKAN KEBAIKAN KEPADA PARTI.

+PERBUATAN SEPERTI MENABURKAN WANG DALAM KEMPEN-KEMPEN SAMALAH SEPERTI SATU SOGOKAN ATAU RASUAH,+ TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN PERTAMA UMNO BAHAGIAN AMPANG JAYA DI BANGUNAN RISDA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERHARAP APA JUGA BENTUK KEMPEN +LUAR BIASA+ ITU HENDAKLAH DIBERHENTIKAN SEGERA SEBALIKNYA SETIAP CALON HARUS MEMBIARKAN ANGGOTA UMNO MEMBUAT PENILAIAN SENDIRI AKAN KEBOLEHAN SESEORANG ITU SEBELUM MEMBUAT PEMILIHAN.

+ASAS PENILAIAN BAGI SESEORANG PEMIMPIN IALAH KHIDMATNYA KEPADA PARTI, ANGGOTA DAN NEGARA, PERIBADI DAN KELAKUAN DAN BUKANNYA DENGAN MEMBURUK-BURUKKAN ORANG LAIN, MEWUJUDKAN KABINET SENDIRI ATAU MENGGUNAKAN WANG.+ -- LAGI

1446MST 12 05 85

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR, PERCAYA KEGHAIRAHAN MELAMPAU YANG DITUNJUKKAN OLEH CALON-CALON DALAM PEMILIHAN PARTI SEKARANG MUNGKIN KERANA KEPERCAYAAN MEREKA BAHAWA PILIHANRAYA KEBANGSAAN AKAN DIADAKAN TAHUN HADAPAN.

+MEREKA PERCAYA DENGAN TERPILIH SEBAGAI KETUA BAHAGIAN, MEREKA AKAN DIPILIH UNTUK MENJADI WAKIL RAKYAT DAN SETERUSNYA BOLEH DIPILIH MENJADI ANGGOTA EXCO, MENTERI BESAR, MENTERI DAN PERDANA MENTERI JUGA.

+SAMA ADA PILIHANRAYA KEBANGSAAN AKAN DIADAKAN TAHUN HADAPAN ATAUPUN TIDAK AKAN BERGANTUNG KEPADA BANYAK FAKTOR DAN SAMA ADA MEREKA YANG TERPILIH SEBAGAI KETUA BAHAGIAN AKAN SECARA AUTOMATIS DIPILIH MENJADI WAKIL RAKYAT JUGA AKAN BERGANTUNG KEPADA BEBERAPA FAKTOR DAN PENILAIAN,+ UJARNYA.

KATANYA SEKIRANYA SETIAP KETUA BAHAGIAN AKAN MENJADI CALON WAKIL RAKYAT, TIDAK PERLU DITUBUHKAN JAWATANKUASA PEMILIHAN CALON OLEH

IBUPEJABAT UMNO TETAPI +SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA, KERANA KEMPEN LUAR BIASA MEREKA, MUNGKIN AKAN DITOLAK OLEH RAKYAT DALAM PILIHANRAYA+.

KETIKA MENARIK PERHATIAN PARA HADIRIN BAHAWA ESOK IALAH 13 MEI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO AKAN +HAMPIR TEWASNYA KITA+ DALAM PILIHANRAYA KEBANGSAAN TAHUN 1969. -- LAGI

1508MST 12 05 85

0726

U B782 DEB

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

DALAM PILIHANRAYA ITU, PARTI PERIKATAN KETIKA ITU KEHILANGAN PULAU PINANG, HAMPIR DITEWASKAN OLEH PARTI PROGRESIF RAKYAT (PPP) DI PERAK DAN JUGA HAMPIR GAGAL MENUBUHKAN KERAJAAN DI SELANGOR SENDIRI, KATANYA.

SELEPAS 39 TAHUN TERTUBUHNYA UMNO, RAMAI ANGGOTA TERLALU ANGKUH DENGAN KEKUATAN SEKARANG SEHINGGA SANGGUP BERPENDAPAT BAHAWA UMNO TIDAK AKAN DAPAT DITUMBANGKAN WALAUPUN ADA KEBURUKAN DALAM PARTI.

+ANGGAPAN SEUMPAMA INI ADALAH MERUGIKAN. JANGAN RASA PERISTIWA 1969 TIDAK AKAN BERULANG LAGI. KALAU KITA TIDAK BELAJAR DARIPADA KESILAPAN-KESILAPAN KITA, KITA AKAN DIDERA BERULANG-ULANG KALI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO JANGAN MENGANGGAP TIDAK ADA PARTI LAIN YANG BOLEH MENGGANTIKAN UMNO.

+RAKYAT JIKA TELAH MEMBENCIKAN UMNO AKAN SANGGUP MENAIKKAN PARTI LAIN WALAUPUN TINDAKAN SEUMPAMA ITU MEREKA SEDAR MERUGIKAN MEREKA SENDIRI.+

OLEH ITU, BELIAU MENASIHATI SETIAP ANGGOTA UMNO SUPAYA BERHATI-HATI DALAM TINDAKAN MEREKA DAN MENGHARAPKAN MEREKA MELATIH DIRI MENJADI ANGGOTA SEJATI UMNO, MENGETAHUI PERJUANGAN, SEJARAH DAN SEMANGAT PENUBUHAN UMNO DALAM TAHUN-TAHUN 40-AN DAN 50-AN. -- LAGI  
1526MST 12 05 85

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

KATANYA NASIB ORANG MELAYU ADALAH TERIKAT KEPADA UMNO DAN JIKA IA GAGAL, ORANG ISLAM DI NEGARA INI AKAN MENGHADAPI ZAMAN KEGELAPAN.

+DENGAN ITU, KITA HENDAKLAH MENYINGKIR CARA-CARA BURUK YANG BARU KITA CIPTA. BALIKLAH KEPADA PERJUANGAN ASAL PARTI. KETEPIKANLAH KEPENTINGAN DIRI SENDIRI SEBALIKNYA BERILAH KEPENTINGAN KEPADA PARTI.+

YANG MENGHADIRI MESYUARAT ITU TERMASUK DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI, YANG JUGA KETUA BAHAGIAN AMPANG JAYA, DAN KETUA-KETUA BAHAGIAN UMNO SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN.--BERNAMA

1528MST 12 05 85